

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]
TARIKH : 19.6.2014
SOALAN :

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan untuk membina SMJK baru memandangkan perkara ini 100% mematuhi kurikulum kebangsaan dan terdapat permintaan khususnya di Negeri Selangor dan Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Akta Pendidikan 1996, semua sekolah menengah dikategorikan sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Akta ini tidak memperuntukkan penubuhan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK). Sebaliknya kewujudan SMJK sedia ada adalah berlandaskan latar belakang sejarah pendidikan di negara ini. SMJK sebelum ini adalah merupakan Sekolah Persendirian Cina atau Sekolah Swasta Cina yang kemudiannya akur kepada Akta Pelajaran 1961 dan dasar pendidikan yang berkuat kuasa ketika itu.

Berikutan itu, sekolah-sekolah tersebut dikenali sebagai SMJK yang dikategorikan sebagai sekolah bantuan Kerajaan dan **tiada peluasan**. SMJK sedia ada pada dasarnya tidak mengkhususkan pendidikan kepada sesuatu kaum atau berteraskan kepada bahasa ibunda masing-masing. Sebaliknya, semua SMJK sedia ada menggunakan bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam melaksanakan Kurikulum Kebangsaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan

tidak menghalang kaum-kaum lain di negara ini untuk mempelajari bahasa ibunda masing-masing di peringkat pendidikan menengah di SMK.

Rjm137